



SIARAN MEDIA

TH Plantations menyumbang RM5 juta bagi program pemuliharaan hutan dan tanah gambut yang dilaksanakan oleh Global Environment Centre.

Pelancaran kerjasama bagi projek pemuliharaan dan perlindungan hutan selama 7 tahun di Hutan Simpan Gunung Arong, Johor.

Mersing, Okt 28, 2023: Memulihara dan melindungi hutan dan tanah gambut kita adalah tanggungjawab bersama dan bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-matanya. Industri perladangan memainkan peranan penting dalam memacu usaha pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar bagi jangka masa sederhana dan panjang.

Salah satu contohnya adalah kerjasama antara Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ), TH Plantations Berhad (TH Plantations) dan Global Environment Centre (GEC) untuk memulihara 4,300 hektar hutan pesisir pantai dan tanah gambut di bahagian timur laut Hutan Simpan Gunung Arong (HSGA) di Mersing, Johor menerusi projek tujuh tahun yang dijangka berakhir pada tahun 2029. TH Plantations memperuntukkan RM5 juta untuk membiayai projek yang dilaksanakan oleh GEC dengan kerjasama JPNJ, kerajaan tempatan dan masyarakat setempat.

Projek ini bertujuan untuk membantu melindungi dan memulihara hutan pesisir pantai dan tanah gambut yang terosot serta menangani beberapa isu alam sekitar yang paling mendesak dan sedang dihadapi oleh generasi kita: kebakaran hutan, pencemaran, kepupusan spesies dan perubahan iklim.

Projek ini dirasmikan oleh Pengarah JPNJ, Dato' Haji Salim Aman, bersempena dengan *Arong Man Challenge 2023* (AMC 2023). Antara aktiviti projek ini yang telah dijalankan sehingga bulan Ogos tahun 2023 ini adalah termasuk kajian penilaian lapangan selama setahun meliputi kajian flora, fauna, ikan, air, jenis hutan, pemetaan dan penglibatan pihak berkepentingan serta komuniti setempat.

"Pihak JPNJ cukup komited dan mengalu-alukan usaha serta kerjasama antara badan korporat seperti TH Plantations, NGO dan agensi negeri dalam memelihara dan memulihara HSGA yang terdiri daripada pelbagai jenis ekosistem hutan; iaitu hutan tanah pamah, hutan paya gambut dan hutan paya air tawar, hutan paya bakau dan hutan pantai," kata Dato' Haji Salim Aman.

Beliau juga menyatakan keyakinan terhadap Projek Pemuliharaan HSGA ini dengan kerjasama antara JPNJ, TH Plantations dan GEC yang mempunyai rekod prestasi kukuh selama 25 tahun dalam bekerjasama dengan komuniti tempatan, sektor swasta dan kerajaan untuk memelihara dan memuliharkan hutan dan tanah gambut di dalam dan luar negara.

Dato' Haji Salim Aman menyeru semua pihak yang berkaitan termasuklah komuniti tempatan, ahli-ahli pakar, dan organisasi serta agensi yang sehaluan untuk mengambil bahagian dalam perlindungan ekosistem HSGA yang merupakan kawasan habitat spesies jarang ditemui dan menyediakan fungsi alam semula jadi seperti penyimpanan karbon dan pengawal aturan iklim,



serta pembekalan air untuk aktiviti pertanian (termasuk sawah padi) dan perladangan yang diusahakan berhampiran dengan hutan.

Objektif utama projek ini juga adalah untuk membangunkan strategi pengurusan hutan menggunakan pendekatan pengurusan landskap dan penyertaan pihak berkepentingan yang berkaitan serta meningkatkan perlindungan kawasan hutan. Dalam pada itu, projek ini bertujuan untuk memulihkan kawasan yang terosot melalui kaedah pembasahan semula tanah gambut, pertumbuhan hutan secara semula jadi dan penanaman pokok terpilih dan menyokong penglibatan komuniti tempatan dan pihak berkepentingan lain dalam aktiviti pencegahan kebakaran, pemulihan hutan, pendidikan dan kesedaran awam, serta kelangsungan hidup yang mampan.

Projek ini akan memudahkan membantu dalam pengurusan, perlindungan, dan pemulihan hutan paya gambut dan pesisir pantai untuk memerangi krisis perubahan iklim dengan melaksanakan strategi pembangunan cekap sumber dan berdaya tahan iklim yang selaras dan disepakukan dengan Agenda 2030 untuk Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

Dato' Haji Salim Aman berkata, "Jabatan amat berterima kasih kepada sokongan dana pembiayaan yang diberikan oleh TH Plantations Berhad dan berharap dapat memudahkan kerjasama dengan GEC dan TH Plantations dalam memulihkan dan melindungi HSGA bersama-sama dengan penyertaan aktif penduduk tempatan dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan di negeri ini".

"HSGA juga merupakan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) sektor perhutanan tahap 1 di bawah Rancangan Tempatan Daerah Mersing 2030 dan pelaksanaan projek ini akan memainkan peranan penting dalam mengekalkan perkhidmatan ekosistem kepada penduduk tempatan di rantau ini dan kepada pembangunan prospek eko-pelancongan di Mersing".

Beliau juga menekankan bahawa pelaksanaan projek ini adalah selaras dengan Rancangan Pengurusan Hutan Paya Gambut Negeri Johor 2021 -2030 dan Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Johor.

Ketua Pegawai Eksekutif TH Plantations, En Mohamed Zainurin Mohamed Zain berkata: "Sebagai sebuah syarikat perladangan kelapa sawit yang bertanggungjawab dan sebahagian daripada kumpulan Lembaga Tabung Haji, pihak TH Plantations amat berbesar hati dapat menyertai program ini sebagai sebahagian daripada agenda kelestarian dan komitmen kami untuk melindungi dan memulihara alam sekitar. Selain itu, sebagai sebuah organisasi Islam yang menyokong objektif *Maqasid Shariah*, kami terpanggil untuk memastikan kejayaan projek pemuliharaan hutan ini kerana ia adalah salah satu elemen penting dalam melindungi kepentingan semua makhluk. Projek ini membolehkan kami menyokong aktiviti penjanaan semula hutan simpanan kekal yang terosot dengan harapan usaha ini akan menambahbaik dan mengembalikan ekosistem semula jadi dan kepelbagaian biologinya".



Beliau juga mengatakan bahawa "TH Plantations mengambil maklum bahawa operasi kami dikelilingi oleh ekosistem dan biodiversiti tempatan dan kepentingan menghormati komuniti setempat, menyokong kemampuan ekosistemnya dan kesannya terhadap pengurangan perubahan iklim".

Tambahnya, kebanyakan masyarakat sekitar HSGA merupakan pendeposit Tabung Haji dan secara tidak langsung merupakan pemegang taruh TH Plantations. Kejayaan TH Plantations sebagai sebuah syarikat perladangan yang mampan akan menghasilkan pulangan yang baik kepada pelabur terbesarnya iaitu, Lembaga Tabung Haji serta pendeposit Tabung Haji.

"Oleh sebab itu, dengan melibatkan masyarakat tempatan dan pemilik tanah dalam program pemuliharaan ini akan mendatangkan impak positif secara langsung kepada masyarakat tempatan dalam memastikan pengurusan tanah yang mampan, pencegahan kebakaran dan akhirnya mengurangkan impak daripada perubahan iklim".

Sementara itu, Pengarah GEC, Tuan Faizal Parish menekankan bahawa "projek ini sangat penting untuk menunjukkan kerjasama jitu dari pelbagai pihak dalam melindungi landskap hutan yang kritikal.

"Pada masa lalu, kawasan hutan ini telah terjejas dengan kejadian kebakaran yang dikaitkan dengan pembangunan dan saliran tanah gambut di sekitarnya bagi tujuan pertanian. Hanya melalui method bekerjasama dengan komuniti tempatan dan pemilik tanah dilihat dapat membuktikan bahawa pemuliharaan dan pertanian boleh bergerak selari dan selanjutnya boleh menciptakan situasi menang-menang."

Beliau menambah bahawa "GEC akan bekerjasama secara langsung dengan komuniti tempatan terpilih (terutamanya, komuniti dari Kg. Tenglu Batu 6, Kg. Air Papan, dan Kg. Penyabong) untuk membangunkan mekanisme dan insentif bagi penglibatan mereka dalam aktiviti pemuliharaan hutan dan penggunaan bijaksana di kawasan-kawasan bersebelahan hutan. Ini merangkumi langkah-langkah seperti memulihkan rejim hidrologi, penanaman pokok, pencegahan kebakaran dan rondaan, serta komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA). GEC juga akan membantu kerajaan negeri dan JPNJ dalam mempromosikan aktiviti rekreasi dan aktiviti pelancongan di kawasan ini dan melatih penduduk tempatan sebagai pemandu pelancong."

Inisiatif ini juga turut menyokong pelaksanaan Program Penghijauan di negeri Johor dan menyumbang kepada usaha untuk mencapai karbon neutral menjelang 2050.

-Tamat-



Untuk pertanyaan dan maklumat media, sila hubungi:

Nama: Mohd Iqbhal Hisham Bin Sazali
Emel: miqbhal@johor.gov.my
No. Tel: +6019 646 7222

Nama: Linda Archibald
E-mel: linda@gec.org.my
No Tel: +6012 282 2192

Nama: Nur 'Izzaty Syafiqah Mohamad
E-mel: izzaty@thplantations.com
No Tel: +6014 774 7401

Mengenai TH Plantations Berhad (TH Plantations)

TH Plantations Berhad (TH Plantations) yang merupakan anak syarikat Lembaga Tabung Haji telah ditubuhkan pada tahun 1972 dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Berhad pada 27 April 2006. Kumpulan TH Plantations terlibat dalam perniagaan pembangunan dan pengurusan ladang kelapa sawit, pemprosesan dan penjualan ladang kelapa sawit dan isirung sawit dan getah dan jati. Kumpulan TH Plantations kini mempunyai sejumlah 97,809 hektar simpanan tanah terdiri daripada 38 ladang dan 6 Kilang Minyak Sawit Malaysia dan Indonesia. Semua ladang dan kilangnya adalah MSPO dan MSPO SCCS Certified. Untuk maklumat lanjut tentang THP, sila layari www.thplantations.com

Mengenai Global Environment Centre (GEC)

Global Environment Centre (GEC) telah ditubuhkan pada tahun 1998 untuk menangani isu alam sekitar yang mempunyai kepentingan global. GEC telah berdaftar di Malaysia sebagai pertubuhan bukan untung tetapi bekerja di peringkat serantau dan antarabangsa secara langsung dan melalui banyak rakan kongsi. Ia menyokong pertukaran maklumat dan pembinaan kapasiti serta menjalankan projek strategik khususnya di negara membangun. GEC bekerjasama dengan agensi lain yang sehaluan fikiran di seluruh dunia. Untuk maklumat lanjut tentang GEC, sila layari www.gec.org.my

Mengenai Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ)

Jumlah kawasan hutan simpanan kekal (HSK) di bawah pengurusan Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) ialah 334,292.46 ha daripada jumlah keluasan tanah negeri seluas 1,916,600 ha. Jabatan Perhutanan Negeri Johor bertanggungjawab dalam pentadbiran dan pengawalseliaan penuaan hutan, kutipan hasil hutan dan pembangunan sumber negeri serta merancang dan menyelaras pembangunan industri berdasarkan kayu. Jabatan Perhutanan Negeri dibahagikan kepada Bahagian Operasi Hutan dan Pembangunan Hutan serta disokong oleh Pejabat Hutan Daerah Untuk maklumat lanjut tentang JPNJ, sila layari .<https://forestry.johor.gov.my/en/korporat/latar-belakang-jabatan>